



**SMART HOME COVER**

# Insurans kediaman yang teristimewa

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

# Smart Home Cover

Memperkenalkan **Smart Home Cover**, sebuah insurans kediaman fleksibel yang merangkumi lima komponen iaitu Empunya Rumah (Bangunan), Isi Rumah (Isi Kandungan), Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji, Pembaikan Rumah dan Insurans Tuan Penyewa.

Anda mempunyai kebebasan untuk menyesuaikan penyelesaian insurans dan memilih Pelan Tahunan atau Berbilang Tahun berdasarkan keperluan dan kehendak anda. Anda juga boleh menikmati lebih penjimatan apabila anda memilih Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun yang menyediakan perlindungan selama tiga tahun dengan premium lebih rendah. Sama ada kediaman peribadi ataupun hartanah sewaan, anda tidak perlu bimbang kerana ia dilindungi oleh Smart Home Cover.



## Kalkulator Jumlah Yang Diinsuranskan

Ejen kami akan membantu anda menentukan jumlah yang diinsuranskan untuk bangunan kediaman berdasarkan nilai yang dipersetujui



## Diskaun Premium

Premium lebih rendah bagi:

- Komponen Empunya Rumah tertakluk pada syarat untuk Pelan Tahunan
- Kesemua komponen untuk Pelan Berbilang Tahun

## Komponen



### Empunya Rumah (Bangunan)

Melindungi bangunan kediaman termasuk lekapan, kelengkapan, garaj, dinding, pintu pagar dan pagar di rumah. Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mengikut nilai yang dipersetujui dengan menggunakan kalkulator jumlah diinsuranskan yang disediakan oleh Allianz, atau kos pembinaan semula mengikut cadangan anda. Tiada kos tambahan untuk Lanjutan baharu untuk melindungi pembaikan sementara ke atas bangunan akibat mana-mana kejadian yang diinsuranskan.



### Isi Rumah (Isi kandungan)

Melindungi isi kandungan rumah dan barangan persendirian kepunyaan anda atau ahli keluarga. Anda boleh memilih untuk menginsuranskan:

- Berdasarkan nilai penuh di mana ia akan melindungi kesemua isi kandungan dalam bangunan.
- Berdasarkan nilai kerugian pertama di mana ia akan melindungi isi kandungan dengan memilih daripada lima pelan berlainan.



### Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji

Melindungi ansuran pinjaman bulanan sekiranya rumah anda dianggap tidak dapat didiami buat sementara waktu disebabkan oleh kejadian yang diinsuranskan atau dikosongkan oleh pihak berkuasa tempatan melebihi 72 jam ataupun orang yang diinsuranskan mengalami kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan.



### Pembaikan Rumah

Perlindungan pembayaran balik bagi keadaan-keadaan berikut:

- Kerja pembaikan paip yang pecah
- Kerja pembaikan atau penggantian pintu, kunci dan tingkap (termasuk kerja pembaikan sementara) akibat kecurian
- Elaun bantuan domestik
- Kerja pembaikan/perkhidmatan rumah; seperti penyaman udara, sistem paip, pendawaian elektrik, perkhidmatan mengecat, pemasangan bumbung dan tukang kunci (sekali setiap tahun polisi)
- Kerja Penjagaan rumah - Kawalan Haiwan Perosak terhadap Anai-anai atau Pepijat Katil; dan perkhidmatan nyahkuman (sekali setiap tahun polisi)
- Seandainya Rakan Perniagaan Allianz\* tidak tersedia, tuntutan boleh dibuat berdasarkan pembayaran balik.

\* Rakan perniagaan Allianz ialah **recommend.my** ([www.recommend.my](http://www.recommend.my))



### Insurans Tuan Penyewa

Melindungi kerosakan akibat niat jahat oleh penyewa ataupun apabila penyewa melarikan diri. Allianz akan menanggung yuran guaman untuk surat tuntutan ke atas sewa lewat tempoh.

# Jadual manfaat untuk Smart Home Cover - Pelan Tahunan

Smart Home Cover membolehkan anda memilih dan menyesuaikan penyelesaian insurans berdasarkan keperluan dan kewangan anda.



## Empunya Rumah

<b>Nilai Dipersetujui</b> atau	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan dengan menggunakan kalkulator yang disediakan oleh Allianz
<b>Nilai Pasaran / Pengembalian semula</b>	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan oleh pelanggan
<b>Premium</b>	Potongan sehingga 30% daripada tarif



## Isi Rumah

<b>Nilai Penuh</b> atau	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan oleh pelanggan					
<b>Kerugian Pertama</b>		<b>Opsyen 1</b>	<b>Opsyen 2</b>	<b>Opsyen 3</b>	<b>Opsyen 4</b>	<b>Opsyen 5</b>
	Jumlah Manfaat (RM)	16,000	31,000	46,000	71,000	91,000
	Premium (RM)	*51.74	*103.48	*155.22	*238.80	*306.46

Nota: Produk asas mestilah merangkumi Empunya Rumah dan/atau Isi Rumah  
\*kecuali kawasan mudah banjir



## Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
<b>Rumah yang Tidak Dapat Didiami Buat Sementara Waktu</b>	Sehingga 10,000 atau 6 bulan	21	Sehingga 20,000 atau 6 bulan	42	Sehingga 30,000 atau 6 bulan	63
<b>Kematian &amp; Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan</b>	Sehingga 10,000 atau 6 bulan		Sehingga 20,000 atau 6 bulan		Sehingga 30,000 atau 6 bulan	



## Pembaikan Rumah

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
<b>Kerja Pembaikan Paip yang Pecah</b>	Sehingga 5,000	50	Sehingga 10,000	75	Sehingga 20,000	100
<b>Kerja Pembaikan atau Kerja Pembaikan Sementara, atau Penggantian Pintu, Kunci dan Tingkap Akibat Kecurian</b>	Sehingga 200		Sehingga 200		Sehingga 200	
<b>Elaun Bantuan Domestik</b>	Sehingga 100		Sehingga 200		Sehingga 300	
<b>Kerja Pembaikan/Perkhidmatan Rumah</b>	50		60		80	
<b>Penjagaan Rumah</b>	1,000		1,500		2,500	




## Insurans Tuan Penyewa

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
<b>Kerosakan Akibat Tindakan Jahat oleh Penyewa</b>	Sehingga 2,000	51	Sehingga 2,000	181	Sehingga 2,000	439
<b>Penyewa Melarikan Diri</b>	-		RM500 setiap kejadian, terhad kepada dua kali setahun		RM1,500 setiap kejadian, terhad kepada dua kali setahun	
<b>Yuran Guaman untuk Surat Tuntutan</b>	Terhad kepada dua kali setahun		Terhad kepada dua kali setahun		Terhad kepada dua kali setahun	

## Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun

Lindungi kediaman anda dengan Nilai Dipersetujui dan peningkatan tahunan sebanyak 3% untuk memastikan kediaman anda memperoleh perlindungan insurans yang secukupnya sepanjang tempoh masa 3 tahun. Paling hebat, anda boleh menikmati manfaat tambahan tanpa caj tambahan!



## Penjimatan Dengan Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun

Kami menunjukkan bagaimana anda boleh mendapatkan perjimatan lebih banyak dengan Pelan Berbilang Tahun berdasarkan contoh di bawah.

Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Empunya Rumah: **300,000**  
 Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Nilai Penuh Isi Rumah: **30,000**  
 Pembaikan Rumah: **Opsyen 1**  
 Insurans Tuan Penyewa: **Opsyen 1**  
 Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji: **Opsyen 1**

Pelan Tahunan diperbaharui untuk 3 tahun Premium (RM)		Pelan Berbilang Tahun Premium (RM)	Jumlah penjimatan premium (RM)
225.94 + 232.72 + 239.70 = 698.36	Empunya Rumah	575.76	122.60
101.40 x 3 = 304.20	Nilai Penuh Isi Rumah	212.94	91.26
21.00 x 3 = 63.00	Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji	45.00	18.00
50.00 x 3 = 150.00	Pembaikan Rumah	105.00	45.00
51 x 3 = 153.00	Insurans Tuan Penyewa	108.00	45.00
<b>1,368.56</b>	<b>Jumlah premium untuk 3 tahun</b>	<b>1,046.70</b>	<b>321.86</b>

Tertakluk pada terma dan syarat.

\*Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Empunya Rumah adalah berdasarkan Nilai Dipersetujui dengan peningkatan tahunan sebanyak 3%.

# Jadual manfaat untuk Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun

Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun hanya terhad untuk jenis bangunan pembinaan Kelas 1A (contoh: Dinding bata sepenuhnya, bahan bumbung tidak terbakar). Pelan yang boleh disesuaikan ini memudahkan urusan pembaharuan dan pembayaran premium mengikut selang tahunan. Anda hanya perlu membayar premium sekali sahaja untuk menikmati perlindungan selama 3 tahun dengan premium lebih rendah bagi semua komponen.



## Empunya Rumah

<b>Nilai Dipersetujui</b>	Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan dengan menggunakan kalkulator yang disediakan oleh Allianz
<b>Peningkatan</b>	3% setahun
<b>Premium</b>	Potongan sehingga 30% daripada tarif



## Isi Rumah

<b>Nilai Penuh</b>		Jumlah Yang Diinsuranskan ditentukan oleh pelanggan				
atau		<b>Opsyen 1</b>	<b>Opsyen 2</b>	<b>Opsyen 3</b>	<b>Opsyen 4</b>	<b>Opsyen 5</b>
<b>Kerugian Pertama</b>	Jumlah Manfaat (RM)	16,000	31,000	46,000	71,000	91,000
	Premium (RM)	*126	*243	*360	*555	*711
Penjimatan premium jika anda memilih Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun (RM)		<b>29.22</b>	<b>67.44</b>	<b>105.66</b>	<b>161.40</b>	<b>208.38</b>

Nota: Produk asas mestilah merangkumi Empunya Rumah dan/atau Isi Rumah  
\*kecuali kawasan mudah banjir



## Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
<b>Rumah Yang Tidak Dapat Didiami Buat Sementara Waktu</b>	Sehingga 10,000 atau 6 bulan	45	Sehingga 20,000 atau 6 bulan	89	Sehingga 30,000 atau 6 bulan	133
<b>Kematian &amp; Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan</b>	Sehingga 10,000 atau 6 bulan		Sehingga 20,000 atau 6 bulan		Sehingga 30,000 atau 6 bulan	
Penjimatan premium jika anda memilih Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun (RM)		<b>18</b>		<b>37</b>		<b>56</b>



## Pembaikan Rumah

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
<b>Kerja Pembaikan Paip yang Pecah</b>	Sehingga 5,000	105	Sehingga 10,000	158	Sehingga 20,000	210
<b>Kerja Pembaikan atau Kerja Pembaikan Sementara, atau Penggantian Pintu, Kunci dan Tingkap Akibat Kecurian</b>	Sehingga 200		Sehingga 200		Sehingga 200	
<b>Elaun Bantuan Domestik</b>	Sehingga 100		Sehingga 200		Sehingga 300	
<b>Kerja Pembaikan/Perkhidmatan Rumah</b>	50		60		80	
<b>Penjagaan Rumah</b>	1,000		1,500		2,500	
Penjimatan premium jika anda memilih Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun (RM)		<b>45</b>		<b>67</b>		<b>90</b>



## Insurans Tuan Penyewa

	Opsyen 1		Opsyen 2		Opsyen 3	
	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)	Jumlah Manfaat (RM)	Premium (RM)
<b>Kerosakan Akibat Tindakan Jahat oleh Penyewa</b>	Sehingga 2,000	108	Sehingga 2,000	381	Sehingga 2,000	922
<b>Penyewa Melarikan Diri</b>	-		RM500 setiap kejadian, terhad kepada dua kali setahun		RM1,500 setiap kejadian, terhad kepada dua kali setahun	
<b>Yuran Guaman untuk Surat Tuntutan</b>	Terhad kepada dua kali setahun		Terhad kepada dua kali setahun		Terhad kepada dua kali setahun	
Penjimatan premium jika anda memilih Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun (RM)		<b>45</b>		<b>162</b>		<b>395</b>

Nota: Jadual manfaat berdasarkan perlindungan tahunan.



# Soalan lazim

## 1. Apa itu Smart Home Cover?

Smart Home Cover ialah sebuah insurans kediaman yang baharu yang bersifat modular yang membolehkan pelanggan menyesuaikan insurans kediaman berdasarkan keperluan dan/atau kehendak mereka.

## 2. Apa yang terkandung dalam Smart Home Cover?

Ia terdiri daripada 5 komponen: Empunya Rumah (Bangunan), Isi Rumah (Isi kandungan), Perlindungan Ansuran Pinjaman Gadai Janji, Pembaikan Rumah dan Insurans Tuan Penyewa.

## 3. Perlukah saya membeli kelima-lima komponen?

Pelanggan hanya perlu membeli komponen Empunya Rumah dan/atau Isi Rumah sebagai asas. Lain-lain komponen adalah untuk pilihan pelanggan berdasarkan keperluan mereka.

## 4. Apakah keistimewaan Smart Home Cover?

Selain memberi peluang kepada pelanggan untuk memilih insurans kediaman mereka mengikut kesesuaian, pelanggan juga boleh menjimatkan bayaran premium. Pelanggan boleh memilih untuk mendapatkan Smart Home Cover - Pelan Berbilang Tahun untuk menikmati premium lebih rendah bagi semua komponen.

## 5. Siapakah yang boleh membeli Smart Home Cover?

Empunya rumah, pemilik rumah dan penyewa rumah.

## 6. Apakah Nilai Yang Dipersetujui?

Nilai Yang Dipersetujui adalah amaun untuk menginsuranskan hartanah anda, dihitung oleh ejen kami dengan menggunakan kalkulator yang disediakan oleh Allianz.

## 7. Apakah peningkatan?

Peningkatan melindungi kesan inflasi ke atas bangunan dengan menetapkan peratusan tertentu kepada premium polisi sepanjang tahun. Jumlah yang diinsuranskan akan bertambah setiap hari mengikut amaun yang mewakili 1/365 daripada peratusan kenaikan yang ditetapkan setiap tahun.

Nota: Premium tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10. Bagi mengelakkan insurans terkurang, sila pastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi.

## 8. Apa yang dilindungi dalam komponen Smart Home Cover Empunya Rumah dan Isi Rumah?

Perlindungan	Empunya Rumah	Isi Rumah
	Bangunan	Kandungan Isi Rumah
1 Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah	Ya	Ya
2 Letupan domestik	Ya	Ya
3 Kerosakan akibat pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya	Ya	Ya
4 Kerosakan akibat hentaman terhadap bangunan oleh kenderaan jalan raya atau binatang	Ya	Ya
5 Kepecahan atau limpahan tangki air, peralatan atau paip air rumah	Ya	Ya
6 Kecurian akibat pecah masuk yang ganas terhadap bangunan	Ya	Ya
7 Hurikan, siklon, taufan, ribut angin	Ya	Ya
8 Gempa bumi, letupan gunung berapi	Ya	Ya
9 Banjir tetapi tidak termasuk kerosakan akibat penenggelaman atau gelinciran tanah	Ya	Ya
10 Kerugian sewa - Sehingga had 10% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan	Ya	Ya
11 Liabiliti kepada awam - Hingga RM50,000	Ya	Ya
12 Harta yang dipindahkan sementara - Hingga 15% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah (tidak termasuk harta yang dipindahkan untuk jualan atau pameran atau cagaran)	Tidak	Ya
13 Kerosakan cermin - Hingga RM500 setiap keping mana-mana satu kemalangan	Tidak	Ya
14 Pampasan kematian bagi Orang Yang Diinsuranskan - Hingga RM10,000 atau setengah daripada Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah yang mana lebih rendah	Tidak	Ya
15 Harta orang gaji	Tidak	Ya
16 Pembaikan sementara premis - Hingga RM500 untuk setiap tuntutan	Ya	Ya

Nota: Kesemua barangan yang nilainya melebihi 5% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan atas kandungan isi rumah perlu diisytiharkan secara butiran berasingan di dalam Polisi (kecuali perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, TV, pemain video, Hi-Fi dan sebagainya). Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah.

Risalah ini adalah sah bermula dari 16 Februari 2023. Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Keterangan perlindungan yang disediakan adalah hanya ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma, faedah, syarat dan pengecualian terperinci yang diguna pakai dinyatakan di dalam Polisi.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)  
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Centre

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)



AllianzMalaysia



[allianz.com.my](http://allianz.com.my)